 تَلْظَنُ ⑭ لَا يَصْلُهَا إِلَّا الْأَشْقَى ⑮ الَّذِي كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ⑯ وَسَيُجَنَّبُهَا الْأَتْقَى ⑰
 الَّذِي يُؤْتِي مَالَهُ يَتَزَكَّىٰ ⑱ وَمَا لِأَحَدٍ عِنْدَهُ مِنْ نِعْمَةٍ تُجْزَىٰ ⑲ إِلَّا ابْتِغَاءَ
 وَجْهِ رَبِّهِ الْأَعْلَىٰ ⑳ وَلَسَوْفَ يَرْضَىٰ ㉑

سُورَةُ الضُّحٰى

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

وَالضُّحَىٰ ① وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ ② مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ③ وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ
 لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ④ وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ ⑤ أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا
 فَآوَىٰ ⑥ وَوَجَدَكَ ضَالًّا فَهَدَىٰ ⑦ وَوَجَدَكَ عَائِلًا فَأَغْنَىٰ ⑧ فَمَا
 الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ ⑨ وَأَمَّا السَّائِلَ فَلَا تَنْهَرْ ⑩ وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ⑪

سُورَةُ الْأَشْرَافِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ ۙ (١) وَوَضَعْنَا عَنكَ وِزْرَكَ ۙ (٢) الَّذِي أَنْقَضَ ظَهْرَكَ ۙ (٣)
وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ۙ (٤) فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۙ (٥) إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۙ (٦) فَإِذَا فَرَغْتَ
فَانصَبْ ۙ (٧) وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْغَبْ ۙ (٨)

سُورَةُ الشُّعَرَاءِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَاللَّيْلِ وَالزَّيْتُونِ ۙ (١) وَطُورِ سِينِينَ ۙ (٢) وَهَذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ ۙ (٣) لَقَدْ خَلَقْنَا
الْإِنسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ۙ (٤) ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ۙ (٥) إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا
وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ۙ (٦) فَمَا يُكَذِّبُكَ بَعْدُ بِالذِّينِ ۙ (٧) أَلَيْسَ
اللَّهُ بِأَحْكَمِ الْحَاكِمِينَ ۙ (٨)

سُورَةُ الْعَلَقِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۙ (١) خَلَقَ الْإِنسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۙ (٢) أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۙ (٣)

الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۖ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝ ٥ كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنَافٍ ۝ ٦
 رَأَاهُ اسْتَعْتَضَ ۝ ٧ إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الرُّجْعَىٰ ۝ ٨ أَرَأَيْتَ الَّذِي يَنْهَىٰ ۝ ٩ عَبْدًا إِذَا صَلَّىٰ ۝ ١٠
 أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ عَلَىٰ الْهُدَىٰ ۝ ١١ أَوْ أَمَرَ بِالتَّقْوَىٰ ۝ ١٢ أَرَأَيْتَ إِنْ كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ۝ ١٣ أَلَمْ يَعْلَمْ
 بِأَنَّ اللَّهَ يَرَىٰ ۝ ١٤ كَلَّا لَئِنْ لَمْ يَنْتَهِ لَنَسْفَعًا بِالنَّاصِيَةِ ۝ ١٥ نَاصِيَةٍ كَذِبَةٍ خَاطِئَةٍ ۝ ١٦ فليَدْعُ
 نَادِيَهُ ۝ ١٧ سَنَدْعُ الزَّبَانِيَةَ ۝ ١٨ كَلَّا لَا نَطَعُهُ وَأَسْجُدْ وَاقْتَرِبْ ۝ ١٩

سُورَةُ الْقَدْرِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ۝ ١ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ۝ ٢ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ
 مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ ۝ ٣ نَزَّلُ الْمَلَائِكَةَ وَالرُّوحَ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ ۝ ٤
 سَلَّمَ هِيَ حَتَّىٰ مَطَلَعِ الْفَجْرِ ۝ ٥

سُورَةُ الْبَيْنَةِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَمْ يَكُنِ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ مُنْفِكِينَ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ
 الْبَيِّنَةُ ۝ ١ رَسُولٌ مِنَ اللَّهِ يَتْلُو صُحُفًا مُطَهَّرَةً ۝ ٢ فِيهَا كُتِبَ قِيمَةٌ ۝ ٣

وَمَا نَفَرَقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَةُ ﴿٤﴾ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أُولَئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ ﴿٦﴾ إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾ جَزَاءُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ ﴿٨﴾

سُورَةُ الزُّلْمَاتِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ﴿١﴾ وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ﴿٢﴾ وَقَالَ الْإِنْسَانُ مَا لَهَا ﴿٣﴾ يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا ﴿٤﴾ بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَى لَهَا ﴿٥﴾ يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِيُرَوْا أَعْمَلَهُمْ ﴿٦﴾ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

سُورَةُ الْعَادِيَاتِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَادِيَاتِ ضَبْحًا ① فَالْمُورِبَاتِ قَدْحًا ② فَالْمُغِيرَاتِ صُبْحًا ③ فَأَثَرْنَ بِهِ نَقْعًا ④ فَوَسَطْنَ بِهِ جَمْعًا ⑤ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنُودٌ ⑥ وَإِنَّهُ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ⑦ وَإِنَّهُ لِحُبِّ الْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ⑧ أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعِثِرَ مَا فِي الْقُبُورِ ⑨ وَحُصِّلَ مَا فِي الصُّدُورِ ⑩ إِنَّ رَبَّهُم بِهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّخَبِيرٌ ⑪

سُورَةُ الْقَارِعَةِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْقَارِعَةُ ① مَا الْقَارِعَةُ ② وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْقَارِعَةُ ③ يَوْمَ يَكُونُ النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمَبْثُوثِ ④ وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ الْمَنْفُوشِ ⑤ فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ ⑥ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَاضِيَةٍ ⑦ وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ ⑧ فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ ⑨ وَمَا أَدْرَاكَ مَا هِيَ ⑩ نَارُ حَامِيَةٍ ⑪

سُورَةُ الذِّكْرِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

١ أَلْهَكُمُ التَّكَاثُرُ ١ حَتَّى زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ ٢ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ٣
 ٤ ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ٤ كَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ عِلْمَ الْيَقِينِ ٥ لَتَرَوُنَّ
 ٦ الْجَحِيمَ ٦ ثُمَّ لَتَرَوُنَّهَا عَيْنَ الْيَقِينِ ٧ ثُمَّ لَتُسْأَلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ
 ٨ النَّعِيمِ

سُورَةُ الْعَصْرِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

١ وَالْعَصْرِ ١ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ٢ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا
 ٣ الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالحَقِّ وَتَوَّصُوا بِالصَّبْرِ

سُورَةُ الْهُمَزَةِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

١ وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ١ الَّذِي جَمَعَ مَالًا وَعَدَّدَهُ ٢

يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ، ③ كَلَّا لَيُنْبَذَنَّ فِي الْحُطَمَةِ ④ وَمَا أَدْرَاكَ مَا
 الْحُطَمَةُ ⑤ نَارُ اللَّهِ الْمَوْقَدَةُ ⑥ الَّتِي تَطَّلِعُ عَلَى الْأَفْئِدَةِ ⑦ إِنَّهَا عَلَيْهِم
 مُّؤَصَّدَةٌ ⑧ فِي عَمَدٍ مُّمَدَّدَةٍ ⑨

سُورَةُ الْفَيْلِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الَّذِي تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفَيْلِ ①
 الَّةَ يَجْعَلُ كَيْدَهُمْ فِي تَضْلِيلٍ ② وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ③
 تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ④ فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ⑤

سُورَةُ قُرَيْشٍ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَيْلَى قُرَيْشٍ ① إِذْ لَفِيهِمْ رِحْلَةَ الشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ ② فَلْيَعْبُدُوا
 رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ ③ الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِّن جُوعٍ وَءَامَنَهُمْ مِّن
 خَوْفٍ ④

سُورَةُ الْمَاعُونِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالْإِيمَانِ ۚ ﴿١﴾ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتِيمَ
 ﴿٢﴾ وَلَا يُحِضُّ عَلَىٰ طَعَامِ الْمِسْكِينِ ۚ ﴿٣﴾ فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾
 الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ۚ ﴿٥﴾ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ ۚ ﴿٦﴾ وَيَمْنَعُونَ
 الْمَاعُونَ ۚ ﴿٧﴾

سُورَةُ الْكَوْثَرِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ۚ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ۚ ﴿٢﴾ إِنَّ شَانِئَكَ
 هُوَ الْأَبْتَرُ ۚ ﴿٣﴾

سُورَةُ الْكَافِرُونَ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ۚ ﴿١﴾ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ۚ ﴿٢﴾

وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ۚ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ۖ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ
مَا أَعْبُدُ ۗ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ۖ

سُورَةُ النَّصْرِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ۖ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ
فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ۗ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ
تَوَّابًا ۚ

سُورَةُ الْمَسَدِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ ۖ مَا أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُ وَمَا كَسَبَ
ۖ سَيَصْلَىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ۖ وَامْرَأَتُهُ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ ۖ فِي
جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ۗ

سُورَةُ الْاِخْلَاصِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ① اللَّهُ الصَّمَدُ ② لَمْ يَكِدْ وَلَمْ يُولَدْ
 ③ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ④

سُورَةُ الْفَلَقِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ① مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ② وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا
 وَقَبَ ③ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ④ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ
 إِذَا حَسَدَ ⑤

سُورَةُ النَّاسِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ① مَلِكِ النَّاسِ ② إِلَهِ النَّاسِ ③ مِنْ
 شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ④ الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ
 ⑤ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ⑥

ILMU TAJWID

PELAJARAN KE-1: PENGENALAN ILMU TAJWID

Tajwid menurut bahasa adalah memperelokkan dan menghaluskan. Manakala pada istilah pula adalah mengeluarkan tiap-tiap huruf daripada makhrajnya dan menunaikan hak tiap-tiap huruf sama ada yang asli atau yang mendatang.

Sifat yang asli pada huruf ialah sifat yang lazim pada huruf dan tidak boleh dipisahkan seperti sifat jahar, syaddah dan lain-lain.

Sifat yang mendatang pada huruf pula adalah sifat yang terbit daripada sifat asli seperti tebal/tafkhim, terbit daripada sifat meninggi/isti'la', sifat nifis/tarqiq dan terbit daripada sifat rendah istifal.

Ilmu tajwid adalah semulia-mulia yang berkaitan dengan ilmu al-Qur'an. Dalilnya adalah firman Allah (s.w.t):

.... وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ﴿٤﴾

“...dan bacalah al-Quran dengan ‘tartil’.” (Surah al-Muzammil: 04)

Dalilnya dalam hadis pula adalah sabda Rasulullah (s.a.w):

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ.

“Sebaik-baik kamu adalah seseorang yang belajar al-Qur'an dan kemudian mengajarkannya (kepada orang lain).”

Hukum mempelajarinya fardu kifayah dan hukum mengamalkannya adalah fardu ain ke atas orang Islam yang mukallaf dan berdosa bagi sesiapa yang membaca al-Qur'an tanpa bertajwid.

Tujuan mempelajari ilmu tajwid adalah untuk memelihara lidah daripada melakukan kesalahan ketika membaca al-Qur'an.

PELAJARAN KE-2: ISTI'AZAH

Lafaz isti'azah adalah:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Jumhur ulamak berpendapat hukum membacanya adalah sunat, namun ada sesetengah ulamak yang mengatakan membacanya wajib. Dalilnya adalah firman Allah (s.w.t):

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٩٨﴾

“Oleh itu, apabila engkau membaca al-Quran, maka hendaklah engkau terlebih dahulu memohon perlindungan kepada Allah daripada basutan Syaitan yang kena rejam.” (Surah al-Nahl: 98)

Ada tiga cara untuk membaca isti'azah dengan basmalah, iaitu:

Pertama, berhenti pada isti'azah dan basmalah. Contohnya:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kedua, waqaf pada isti'azah namun terus menyambung basmalah dengan awal surah. Contohnya:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

Ketiga, membaca isti'azah dan terus menyambung basmalah dengan awal surah. Contohnya:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

PELAJARAN KE-3: BASMALAH

Lafaz basmalah adalah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Menurut mazhab al-Syafi'i, basmalah dikira sebagai satu ayat di dalam Surah al-Fatihah. Namun semua ulamak bersepakat mengatakan bahawa basmalah hendaklah dibaca pada tiap-tiap kali kita hendak memulakan membaca al-Qur'an, kecuali pada Surah al-Taubah kerana surah itu diturunkan masa peperangan dengan tiada basmalah dan di dalam mushaf juga tidak ditulis basmalah.

Ada tiga cara membaca basmalah ketika di akhir surah dan kemudian meneruskannya dengan permulaan surah berikutnya, iaitu:

Pertama, waqaf pada akhir surah, membaca basmalah lalu waqaf dan kemudian membaca permulaan surah berikutnya. Contohnya:

فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ﴿٥﴾
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

Kedua, waqaf pada akhir surah pertama, kemudian membaca basmalah dan terus disambung dengan permulaan surah yang berikutnya. Contohnya:

فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ﴿٥﴾
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

Ketiga, menyambung akhir surah dengan basmalah dan menyambung terus dengan surah yang berikutnya. Contohnya:

فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

PELAJARAN KE-4: NUN DAN MIM BERSABDU

Setiap huruf nun atau mim yang bersabdu wajib ghunnah (didengungkan).
Contohnya:

إِنَّ ثُمَّ فَلَمَّا وَلَكِنَّا

PELAJARAN KE-5: PERBEZAAN NUN MATI (SUKUN) DAN TANWIN (BARIS DUA)

Perbezaan nun mati (sukun) dengan tanwin (baris dua) adalah lain dalam tulisan namun sama dalam sebutan. Contohnya:

مَنْ = مَّا مِّنْ = مِّم مَنْ = مِّنْ

PELAJARAN KE-6: QALQALAH

Qalqalah adalah bacaan yang bunyinya melantun balik apabila huruf qalqalah dimatikan sama ada asli ataupun mendatang.

Huruf qalqalah ada lima, iaitu: ق - ط - ب - ج - د. Qalqalah terbahagi kepada dua jenis, iaitu:

1. Qalqalah sughra iaitu huruf qalqalah yang sukun pada asalnya. Bunyi dentumannya sedikit rendah atau kurang kuat.
2. Qalqalah kubra iaitu huruf qalqalah yang sukun kerana diwaqafkan. Bunyi dentumannya besar sedikit atau agak kuat.

Huruf	Qalqalah Sughra	Qalqalah Kubra (jika kalimat-kalimat ini dimatikan)
ق	يَقْطَعُونَ	خَلَقَ

ط	أَطْعَمَهُمْ	بِالْقِسْطِ
ب	يَبْخُلُ	عَذَابٌ
ج	يَجْعَلُ	بِهَيْجٍ
د	تُدْعُونَ	يُرِدُّ

PELAJARAN KE-7: HUKUM LAFAZ AL-JALALAH (الله)

Hukum lafaz al-Jalalah (الله) ada dua bahagian, iaitu: tafkhim dan tarqiq.

1. Tafkhim iaitu dibaca dengan tebal, jika huruf sebelumnya berbaris di atas dan berbaris di hadapan. Contohnya: (مَا شَاءَ اللهُ - نَصْرُ اللهِ)
2. Tarqiq iaitu dibaca dengan nipis, jika huruf sebelumnya berbaris di bawah. Contohnya: (بِسْمِ اللهِ).

PELAJARAN KE-8: BACAAN SAKTAH

Saktah adalah menghentikan suara tanpa bernafas dengan kadar dua harakat dan kemudian menyambung bacaan semula. Dalam penulisan Rasm 'Uthmani, saktah disimbolkan dengan huruf sin kecil.

Hukum saktah terdapat pada empat tempat dalam surah al-Qur'an al-Karim, iaitu:

1. Surah al-Kahfi ayat 1: (عِوَجًا قَيْمًا).
2. Surah Yasin ayat 52: (مِنْ مَّرْقَدِنَا هَذَا).
3. Surah al-Qiyamah ayat 27: (وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ).
4. Surah al-Mutaffifin ayat 14: (بَلْ رَانَ).


PELAJARAN KE-9: WAQAF

Waqaf adalah memberhentikan suara pada satu ayat atau pertengahan ayat untuk mengambil nafas baru bagi meneruskan bacaan.

Tanda waqaf yang terdapat di dalam penulisan Rasm 'Uthmani ada enam, iaitu:

1. (م) Tanda waqaf lazim. Ia adalah tanda waqaf yang menunjukkan wajib berhenti. Contohnya: (وَلَا يَحْزُنُكَ قَوْلُهُمْ إِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ).
2. (ء) Tanda Waqaf Ja'iz. Ia adalah tanda waqaf yang menunjukkan boleh terus dan boleh berhenti. Contohnya: (مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ).
3. (هـ) Tanda Waqaf Kafi. Ia adalah tanda waqaf yang menunjukkan boleh terus dan boleh berhenti, namun lebih baik berhenti. Contohnya: (وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَتَّبِعُ).
4. (هـ) Tanda Waqaf Hasan. Ia adalah tanda waqaf yang menunjukkan boleh terus dan boleh berhenti, namun lebih baik terus. Contohnya: (هُوَ الْغَنِيُّ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ).
5. (و) Tanda Waqaf Qabih. Ia adalah tanda waqaf yang menunjukkan tidak boleh berhenti. Contohnya: (طَيِّبِينَ يَقُولُونَ).
6. (ٲ) Tanda Waqaf Ta'anuq. Ia adalah tanda waqaf yang menunjukkan boleh berhenti pada salah satu tanda tersebut, namun tidak dibenarkan berhenti pada kedua-duanya sekali. Contohnya: (لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ).

PELAJARAN KE-10: SUJUD TILAWAH

Sujud tilawah adalah sujud yang disunatkan bagi seseorang yang membaca ayat-ayat sajdah. Di dalam penulisan Rasm 'Uthmani, sujud tilawah disimbolkan dengan . Ada dua pilihan yang mesti dilakukan ketika membaca sujud tilawah iaitu:

1. Sujud tilawah. Caranya adalah seseorang duduk seperti mana dalam keadaan tasyahhud pertama lalu berniat sujud tilawah. Ketika hendak sujud, dia dikehendaki membaca takbir dan terus melakukan sekali

sujud seperti sujud dalam solat. Jika melakukan sujud tilawah di luar solat, maka hendaklah seseorang itu mengucapkan salam setelah bangkit dari sujud itu. Ketika sujud hendaklah membaca doa berikut:

سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ بِحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ فَتَبَارَكَ
اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ

Telah sujud mukaku kepada (Allah) yang menjadikannya dan memecah (membuka pendengaran dan penglihatannya dengan kekuasaan dan kekuatannya. Maka Maha Berkat Allah sebaik-baik Pencipta.

2. Membaca tasbih sebanyak empat kali jika tidak melakukan sujud tilawah. Lafaz tasbih tersebut adalah:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Maha Suci Allah. Segala puji bagi Allah. Tiada tuhan selain Allah. Allah Maha Besar.

Di dalam al-Qur'an al-Karim Rasm 'Uthmani terdapat lima belas ayat sajdah yang disunatkan melakukan sujud tilawah, iaitu:

1. Surah al-A'raf ayat 206
2. Surah al-Ra'd ayat 15
3. Surah al-Nahl ayat 49
4. Surah al-Isra' ayat 107
5. Surah Maryam ayat 58
6. Surah al-Hajj ayat 18
7. Surah al-Hajj ayat 77
8. Surah al-Furqan ayat 60
9. Surah al-Naml ayat 25
10. Surah al-Sajdah ayat 15
11. Surah Sad ayat 24
12. Surah Fussilat ayat 37
13. Surah al-Najm ayat 62
14. Surah al-Insiyiqaq ayat 21
15. Surah al-'Alaq ayat 19.

PELAJARAN KE-11: HAMZAH WASAL DAN HAMZAH QATA'

Hamzah wasal ialah huruf hamzah yang kekal barisnya ketika memulakan dan gugur ketika wasal dan wujud di awal kalimat sahaja. Contohnya: (أَذْهَبَ) (- الْجِبَالِ).

Hamzah qata' ialah huruf hamzah yang kekal barisnya sama ada di awal, di tengah mahupun di akhir kalimat. Contoh di awal kalimat: (- أَعْطَيْنَاكَ) (- أَلِيمٌ). Contoh di pertengahan kalimat: (خَلْسَيْنِ - فُرْعَانَا). Contoh di akhir kalimat: (سَهْرِيٍّ - شَيْءٍ)

PELAJARAN KE-12: CARA MEMULAKAN BACAAN DENGAN HAMZAH WASAL (ٲ)

Dalam al-Qur'an Rasm 'Uthmani huruf hamzah wasal (ٲ) ditulis (ٲ) dan kemudian di atasnya diletakkan tanda bersambung (ٲ). Ia memiliki empat ragam bacaan, iaitu:

1. Pada perkataan yang dimulakan dengan alif lam (ال) hendaklah hamzah wasal diberi tanda bacaan baris di atas: contohnya: (- الْقَمَرِ - النُّجُومِ) (- الشَّمْسِ).
2. Jika huruf yang ketiga pada kata kerja berbaris di atas atau di bawah, maka hamzah bersambung diberi tanda bacaan baris di bawah. Contohnya: (أَهْدِنَا - أَسْتَغْفِرُ - أَطْرَحُوهُ - أَعْفِرْ لِي)
3. Jika huruf yang ketiga pada kata kerja berbaris di hadapan, maka hamzah bersambung diberi tanda baca baris di hadapan. Contohnya: (أَقُولُوا - أَدْعُوا)
4. Pada perkataan nama masdar yang terdiri daripada lima dan enam huruf, maka hamzah bersambung diberi tanda bacaan baris di bawah. Contohnya: (أَبْتِغَاءَ - أَخْلَافًا - أَسْتِكْبَارًا - أَسْتِحْيَاءَ). Namun di dalam al-Qur'an terdapat tujuh perkataan nama am diberi tanda bacaan baris di bawah yang bukan daripada kata nama masdar, iaitu: (أَبْنٌ - أَبْنَتٌ - أَمْرًا) (- أَثْنَيْنِ - أَثْنَتَيْنِ - أَمْرًا - الْأَسْمُ)

PELAJARAN KE-13: HUKUM TANWIN BERJUMPA DENGAN HURUF MATI

Jika tanwin (dua atas, bawah atau hadapan) bertemu dengan huruf hamzah bersambung (ا) lalu setelahnya diikuti huruf mati atau bersabdu, maka salah satu baris yang ada pada tanwin tersebut dihilangkan kemudian diikuti dengan (ن) berbaris bawah untuk menggantikan salah satu baris tanwin yang dihilangkan itu. Ini bertujuan bagi memudahkan bacaan dan tidak terkumpul dua huruf yang bertanda mati (sukun). Contohnya:

أَحَدٌ نِ ٱللَّهِ	dibaca	أَحَدُ ٱللَّهِ	أَحَدٌ نِ ٱللَّهِ	dibaca	أَحَدُ ٱللَّهِ
أَوْ هَوَانِ ٱنْفِصُوا	dibaca	أَوْ هَوَا ٱنْفِصُوا	أَوْ هَوَانِ ٱنْفِصُوا	dibaca	أَوْ هَوَا ٱنْفِصُوا
يَوْمِيذِ ٱلسَّلَمِ	dibaca	يَوْمِيذِ ٱلسَّلَمِ	يَوْمِيذِ ٱلسَّلَمِ	dibaca	يَوْمِيذِ ٱلسَّلَمِ

PELAJARAN KE-14: HUKUM RA' (ر)

Ra' (ر) ialah satu-satunya huruf yang mempunyai tiga hukum bacaan, iaitu:

(1). Tafkhim – Tebal:

- Jika ra' berbaris hadapan. Contohnya: (تَكْفُرُونَ).
- Jika ra' berbaris di atas. Contohnya: (رَبِّوْفِ).
- Jika ra' sukun didahului dengan baris di hadapan. Contohnya: (وَأَلْفُرْقَانِ).
- Jika ra' sukun didahului oleh huruf yang berbaris di atas. Contohnya: (وَأَلأَرْضِ).
- Jika ra' diwaqafkan berada selepas huruf sukun selain ya' dan sebelum huruf sukun terdapat huruf yang berbaris di atas atau di hadapan. Contohnya: (لَفِي حُسْرٍ).
- Jika ra' sukun didahului oleh hamzah wasal dan sebelumnya berbaris di bawah yang mendatang. Contohnya: (أَمْ أَرْتَابُوا).

g) Jika ra' sukun didahului oleh huruf baris di bawah, selepasnya pula ada huruf isti'la' dalam satu perkataan. Contohnya: (لِبِالْمِرْصَادِ).

(2). Tarqiq – Nipis:

a) Jika ra' berbaris di bawah. Contohnya: (بَارِيكُمْ).

b) Jika ra' sukun berada selepas huruf berbaris di bawah, dan selepasnya bukan huruf isti'la' dalam satu perkataan. Contohnya: (فِرْعَوْنَ).

c) Jika sebelum ra' ada huruf lin (ya' dan waw) dan ketika waqaf. Contohnya: (قَدِيرٌ).

d) Jika ra' sukun pada akhir perkataan manakala huruf sebelumnya berbaris di bawah dan selepasnya pula terdapat huruf isti'la'. Contohnya: (أَنْ أَنْزِرَ قَوْمَكَ).

e) Jika ra' pada akhir perkataan dan ketika waqaf diselangi dengan huruf sukun yang bukan huruf isti'la' dan sebelum huruf sukun ada huruf berbaris di bawah. Contohnya: (أَلذِّكْرُ).

(3). Boleh dibaca Tarqiq dan boleh pula dibaca Tafkhim. Ini jika sebelum ra' yang sukun terdapat huruf yang berbaris di bawah dan selepasnya terdapat huruf isti'la' berbaris di bawah. Contohnya: (كُلِّ فَرَقِي).

PELAJARAN KE-15: HUKUM ALIF LAM (أل)

Ia adalah lam yang didahului oleh hamzah wasal berbaris di atas ketika ibtida' (memulakan membaca). Jika lam ini bertemu dengan huruf hijaiyyah maka ia terbahagi kepada dua hukum: Pertama, Alif Lam Qamariyyah. Kedua, Alif Lam Syamsiyyah.

Pertama, Alif Lam Qamariyyah

Jika alif lam bertemu dengan salah satu daripada huruf Qamariyyah, maka huruf lam wajib dibaca dengan nyata tanpa dengung. Huruf-huruf Qamariyyah ada empat belas, iaitu: هـ - ء - ب - غ - ح - ج - ك - و - خ - ف - ع - ق - ي - م .

Cara mengenali alif lam Qamariyyah dalam penulisan Rasm 'Uthmani adalah apabila di atas lam terdapat tanda sukun dan tidak ada sabdu pada huruf Qamariyyah. Contohnya:

Huruf	Alif Lam Qamariyyah	Huruf	Alif Lam Qamariyyah
ء	الْأَوَّلُ	ب	الْبَارِئُ
غ	الْغَفُورُ	ح	الْحَكِيمُ
ج	الْجَبَّارُ	ك	الْكَبِيرُ
و	الْوَدُودُ	خ	الْخَلِيقُ
ف	الْفَتَّاحُ	ع	الْعَزِيزُ
ق	الْقُدُّوسُ	ي	الْيَمِينُ
م	الْمُصَوِّرُ	هـ	الْهُدَى

Kedua, Alif Lam Syamsiyyah

Jika alif lam bertemu dengan salah satu daripada huruf Syamsiyyah, maka huruf lam wajib diidghamkan ke dalam huruf Syamsiyyah. Huruf-huruf Syamsiyyah adalah empat belas, iaitu: ص - ض - ط - ت - ث - د - ذ - ر - س - ش - ل - ز - ن - ظ.

Cara mengenali alif lam Syamsiyyah dalam penulisan Rasm 'Uthmani adalah apabila di atas lam tidak terdapat tanda sukun dan ada sabdu pada huruf Syamsiyyah. Contohnya:

Huruf	Alif Lam Syamsiyyah	Huruf	Alif Lam Syamsiyyah
ص	الصُّمْدُ	ض	الضُّمُّرُ
ط	الطَّيِّبُ	ت	التَّوَابُ
ث	الثَّابِتُ	د	الدُّنْيَا
ذ	الذِّكْرُ	ر	الرَّحْمَنُ
س	السَّلَامُ	ش	الشَّيْءُ
ل	اللَّيْلِ	ز	الزُّكُورَةُ
ن	النُّورِ	ظ	الظُّلْمَتِ

PELAJARAN KE-16: HUKUM NUN MATI ATAU TANWIN (BARIS DUA)

Bunyi bacaan nun mati dan tanwin adalah sama, maka hukum nun mati atau tanwin juga sama.

Hukum nun mati atau tanwin terbahagi kepada lima, iaitu: izhar halqi, idgham ma'al ghunnah, idgham bila ghunnah, iqlab dan ikhfa' haqiqi.

Pertama, Hukum Izhar Halqi

Ia adalah nun mati atau tanwin apabila bertemu dengan salah satu daripada huruf izhar yang enam berikut: هـ - غ - ع - خ - ح - أ.

Cara membaca izhar halqi adalah membaca nun mati atau tanwin dengan cara izhar (jelas atau terang) jika bertemu dengan salah satu daripada huruf izhar tersebut.

Hukum izhar ini dinamakan dengan izhar halqi kerana setiap daripada huruf izhar tersebut keluar daripada halkum (tekak).

Cara mengenali izhar halqi dalam penulisan Rasm 'Uthmani adalah sebagai berikut:

1. Nun Mati. Pada nun mati terdapat tanda sukun berbentuk (◌ْ) pada huruf nun. Contohnya: (أَنَّ خَلَقَ لَكُمْ).
2. Tanwin. Untuk mengenalinya ada dua cara. Pertama, baris atas dan baris bawah tanwin mesti selari (◌َ). Contohnya: (بَلَدًا ءَامِنًا). Kedua, baris hadapan dua berbentuk seolah-olah angka enam puluh sembilan (◌ِ). Contohnya: (وَاسِعٌ عَلَيْكُمْ).

Huruf	Nun Mati Satu Kalimat	Nun Mati Dua Kalimat	Tanwin
أ	وَيَتَوَاتَرُ	وَمِنْ ءَايَاتِهِ	بِسَلَامٍ ءَامِينٍ
ح	مَا نَنْجِتُونَ	فَمَنْ حَاجَّكَ	وَعَدًا حَسَنًا
خ	وَالْمَنْخِقَةُ	أَنْ خَلَقَكُمْ	يَوْمَئِذٍ خَشِيعَةً
ع	أَنْعَمْتَ	عَنْ عِبَادَتِهِ	سَلَامٌ عَلَيْكُمْ
غ	فَسَيَنْغِضُونَ	مِنْ غَسِيلِينَ	عَفْوًا عَفُورًا
هـ	يَنْهَوْنَ	أَنْ هَدَيْنَا	أَسْحَرَ هَذَا

Kedua, Hukum Idgham Ma'al Ghunnah

Ia adalah nun mati atau tanwin apabila bertemu dengan salah satu daripada huruf idgham ma'al ghunnah yang empat berikut: ي - ن - م - و dan ghunnah disyaratkan terdiri daripada dua perkataan di mana perkataan pertama nun mati atau tanwin pada akhir perkataan dan huruf idgham pada awal perkataan yang kedua, kecuali nun pada (يس) dan nun pada (من راقٍ) maka hukumnya izhar.

Cara membaca idgham ma'al ghunnah adalah dengan memasukkan bunyi huruf-huruf idgham ma'al ghunnah tersebut ke dalam bunyi nun mati atau tanwin disertai dengan dengung sekadar dua harakat.

Cara mengenali idgham ma'al ghunnah dalam penulisan Rasm 'Uthmani adalah sebagai berikut:

1. Nun Mati. Pada nun mati tiada terdapat sebarang tanda mati sedangkan pada huruf idgham ada ketikanya bersabdu dan ada ketikanya pula tidak bersabdu. Contohnya: (من يقول - من مآل)
2. Tanwin. Untuk mengenalnya ada dua cara. Pertama, baris atas dan baris bawah mesti tidak selari (↗) dan pada huruf idgham ada ketikanya bersabdu dan ada ketikanya pula tidak bersabdu. Contohnya: (سُبُلًا وَأَنْزَلَ - يَوْمَئِذٍ نَاعِمَةٌ). Kedua, baris hadapan seolah-olah berbentuk angka sembilan puluh sembilan (99) dan pada huruf idgham ada ketikanya bersabdu dan ada ketikanya pula tidak bersabdu. Contohnya: (وَرَعْدٌ وَرُقٌّ) - (ذِكْرٌ مَبَارَكٌ)

Huruf	Nun Mati	Tanwin
ي	مَنْ يَشَاءُ	حِسَابًا يَسِيرًا
ن	أَنْ تَعْبُدَ	عَامِلَةً نَاصِبَةً
م	مِنْ مَاءٍ	بِسُلْطَانٍ مُبِينٍ
و	مِنْ وَرَائِهِمْ	بَشِيرًا وَنَذِيرًا

Ketiga, Hukum Idgham bila Ghunnah

Ia adalah nun mati atau tanwin apabila bertemu dengan salah satu daripada huruf idgham bila ghunnah yang dua berikut: ل - ر dan ghunnah disyaratkan terdiri daripada dua perkataan di mana perkataan pertama nun mati atau

tanwin pada akhir perkataan dan huruf idgham pada awal perkataan yang kedua, kecuali nun pada (مَنْ رَأَى) maka hukumnya saktah.

Cara membaca idgham bila ghunnah adalah dengan memasukkan bunyi huruf-huruf idgham bila ghunnah tersebut ke dalam bunyi nun mati atau tanwin namun tidak disertai dengan dengung.

Cara mengenali idgham bila ghunnah dalam penulisan Rasm 'Uthmani adalah sebagai berikut:

1. Nun Mati. Pada nun mati tiada terdapat sebarang tanda mati sedangkan pada huruf idgham ada ketikanya bersabdu dan ada ketikanya pula tidak bersabdu. Contohnya: (فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا).
2. Tanwin. Untuk mengenalnya ada dua cara. Pertama, baris atas dan baris bawah mesti tidak selari (↗) dan pada huruf idgham ada bersabdu. Contohnya: (رِزْقًا لَكُمْ). Kedua, baris hadapan seolah-olah berbentuk angka sembilan puluh sembilan (99) dan pada huruf idgham ada bersabdu. Contohnya: (لَفَقَّارٌ لِّمَنْ تَابَ).

Huruf	Nun Mati	Tanwin
ل	وَمَنْ لَمْ يَدَّبَّ	خَيْرًا لَكُمْ
ر	مِنْ رَحْمَتِي	تَوَابًا رَحِيمًا

Keempat, Hukum Iqlab

Ia adalah nun mati atau tanwin apabila bertemu dengan huruf iqlab berikut iaitu: ب. Cara membaca iqlab adalah bunyi nun mati atau tanwin ditukar menjadi bunyi mim, kemudian diikhfa'kan disertai dengan dengung sekadar dua harakat. Ini bermakna bunyi huruf mim tersebut tidak dibaca dengan sempurna di mana kedua-dua bibir tidak ditutup sepenuhnya ketika membacanya.

Cara mengenali iqlab dalam penulisan Rasm 'Uthmani adalah sebagai berikut:

1. Nun Mati. Di atas nun mati terdapat mim kecil dan tidak ada sabdu pada huruf ba'. Contohnya: (فَمَنْ بَدَّلَهُ).
2. Tanwin. Pada tanwin terdapat mim kecil sebagai ganti baris dan tiada sabdu pada huruf ba'. Contohnya: (عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ).

Huruf	Nun Mati Satu Kalimat	Nun Mati Dua Kalimat	Tanwin
ب	يُنِيتُ لَكُمْ	مِنْ بَعْدِهِ	بِسُلْطَنِ بَيْنِ

Kelima, Hukum Ikhfa' Haqiqi

Ia adalah nun mati atau tanwin apabila bertemu dengan huruf ikhfa' Haqiqi yang lima belas berikut iaitu: -ص -ذ -ث -ك -ج -ش -ق -س -د -ط -ز -ف-. Cara membaca ikhfa' adalah nun mati atau tanwin tersebut mesti dibaca ikhfa' atau samar-samar ketika bertemu dengan huruf-huruf ikhfa' yang lima belas itu.

Cara mengenali ikhfa' Haqiqi dalam penulisan Rasm 'Uthmani adalah sebagai berikut:

1. Nun Mati. Di atas nun mati tidak ada tanda sukun dan tidak ada sabdu pada huruf ikhfa'. Contohnya: (من صِيَّاصِيهِمْ).
2. Tanwin. Untuk mengenalinya ada dua cara: Pertama, kedudukan baris dua atas dan baris dua bawah tidak selari (↗) dan tidak ada sabdu pada huruf ikhfa'. Contohnya: (وَجِيفَانِ كَالْجَوَابِ). Kedua, kedudukan baris dua hadapan seolah-olah berbentuk angka sembilan puluh sembilan (99). Contohnya: (نَفْسٌ شَيْئًا).

Huruf	Nun Mati Satu Kalimat	Nun Mati Dua Kalimat	Tanwin
ص	يُنْصُرُونَ	أَنْ صَدُّوكُمْ	بِرِيحٍ صَرَّصٍ
ذ	يُنْذِرُكُمْ	وَمِنْ ذُرِّيَّتِي	بَكِسْطٍ ذِرَاعِيهِ
ث	وَالْأَنْثَى	فَمَنْ ثَقُلَتْ	مَاءٌ ثَجَاجًا
ك	مُنْكَرُونَ	وَلَكِنْ كَانُوا	عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ
ج	أَنْجَبْنَا	أَنْ جَاءَكُمْ	يَخْلُقِ جَدِيدٍ
ش	نُنَشِرُهَا	إِنْ شَاءَ اللَّهُ	نَفْسٍ شَيْئًا
ق	وَلَا يَنْقُصُ	مِنْ قِطْمِيرٍ	إِمَامًا قَالٍ
س	الْإِنْسَانَ	وَلَكِنَّ سَأَلْتَهُمْ	يُعْجِلِ سَمِينٍ
د	أَنْدَادًا	عَنْ دِينِكُمْ	كُوكِبٍ دُرِّيٍّ
ط	بِقِنطَارٍ	مِنْ طَبِيبَتٍ	بِرِيحٍ طَبِيبَةٍ
ز	وَأَنْزَلْنَا	مَنْ رَكْنَهَا	نَفْسًا رَكِيَّةً

ف	لَا تَنْسِكُوا	كُنْ فَيَكُونُ	عَادَةٌ فَأَهْلِكُوا
ت	أَمِنْتُمْ	فَمَنْ تَمَنَّعَ	نَارًا تَلْظُنْ
ض	مَنْصُودٍ	وَمَنْ ضَلَّ	عَدَا أَبَا ضِعْفًا
ظ	فَأَنْظِرِي	وَلَكِنْ ظَنَنْتُمْ	قُرَى ظَهْرَةَ

PELAJARAN KE-17: HUKUM IZHAR MUTLAQ

Izhar mutlaq atau juga disebut izhar wajib adalah nun mati atau tanwin bertemu dengan ya' atau waw dalam patah perkataan. Di dalam al-Qur'an terdapat empat jenis perkataan yang mana nun mati dengan ya' dan waw berada dalam satu perkataan. Oleh yang demikian, hukumnya adalah izhar mutlaq atau izhar wajib, bukan idgham ma'al ghunnah. Keempat izhar mutlaq itu adalah: (فِتْوَانٌ - صِنَوَانٌ - الدُّنْيَا - بُنْيَانٌ)

PELAJARAN KE-18: TINGKATAN IDGHAM

Apa yang dimaksudkan dengan idgham di sini adalah idgham ma'al ghunnah. Ia mempunyai dua tingkatan, iaitu: Pertama, idgham naqis di mana huruf idgham itu di dalam penulisan Rasm 'Uthmani tidak sabdu. Contohnya: (وَأَنْ مُحَشَّرَ النَّاسُ ضُحَى). Kedua, idgham kamil di mana huruf idgham di dalam penulisan Rasm 'Uthmani terdapat sabdu. Contohnya: (بَيْنَتِهِ مِّنْ).

PELAJARAN KE-19: HUKUM MIM MATI

Hukum mim mati ada tiga, iaitu: ikhfa' syafawi, idgham mitsli dan izhar syafawi.

Pertama, Ikhfa' Syafawi

Ia adalah mim mati berjumpa dengan huruf ب (ba') dan cara membacanya adalah menyembunyikan mim mati dengan tetap mengekalkan dengung tanpa bersabdu.

Cara mengenali ikhfa' syafawi dalam penulisan Rasm 'Uthmani adalah tidak ada sebarang tanda di atas huruf mim dan tidak ada sabdu pada huruf ba'. Contohnya:

Huruf	Mim Mati
ب	وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ - عَلَيْكُمْ بِوَكِيلٍ

Kedua, Idgham Mitsli

Ia adalah mim mati bertemu dengan huruf م (mim) yang berbaris dan cara membacanya adalah menjadikan mim yang kedua itu bersabdu dan tetap mengekalkan dengung.

Cara mengenali idgham mitsli dalam penulisan Rasm 'Uthmani adalah mim yang pertama tidak ada tanda sukun dan mim yang kedua bertanda sabdu. Contohnya:

Huruf	Mim Mati
م	فَعَشِيهِمْ مِنَ الْيَمِّ - فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا

Ketiga, Izhar Syafawi

Ia adalah mim mati berjumpa dengan huruf-huruf hija'iyah selain daripada huruf ba' dan huruf mim dan cara membacanya hendaklah dibaca dengan terang dan nyata tanpa dengung.

Cara mengenali izhar syafawi di dalam penulisan Rasm 'Uthmani adalah apabila di atas huruf mim mati terdapat tanda sukun (◌ْ). Contohnya:

Huruf	Contoh	Huruf	Contoh
أ	فَلَكُمْ أَجْرٌ عَظِيمٌ	ض	أَمْ هُمْ ضَلُّوا
ت	لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ	ط	مِنْهُمْ طَائِفَةٌ

ث	أَمْثَلَهُمْ	ظ	وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ
ج	لَهُمْ جَنَّاتٍ	ع	وَلَهُمْ عَذَابٌ
ح	لَهُمْ حِطَّاءٌ	غ	أَبْصَرِهِمْ غِشْوَةً
خ	سَأَلَهُمْ خَزَائِنَهَا	ف	وَلَهُمْ فِيهَا
د	بَعْضَهُمْ دَرَجَاتٍ	ق	أَنْتُمْ قَلِيلٌ
ذ	إِلَيْكُمْ ذِكْرًا	ك	تَمَكُرُونَ
ر	وَأَمْرًا تِي	ل	إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ
ز	أَيُّكُمْ زَادَهُ	ن	يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ
س	يَمَسُّهُمْ سُوءٌ	و	يَحْشُرُهُمْ وَمَا
ش	يَمِشُونَ	ه	وَأَهْجَرَهُمْ هَجْرًا
ص	كُنْتُمْ صَادِقِينَ	ي	لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

PELAJARAN KE-20: HUKUM IDGHAM

Idgham ada tiga bahagian, iaitu: idgham mutamastilain, idgham mutaqaribain dan idgham mutajanisain.

Pertama, Idgham Mutamatsilain

Ia adalah pertemuan dua huruf yang serupa di mana huruf yang pertama mati (sukun) sedangkan huruf yang kedua adalah berharis (hidup). Contohnya:

Idgham Mutamatsilain	
أَصْرِبِ بَعْصَاكَ	فَلَا يُسْرِفُ فِي الْقَتْلِ
وَقَدْ دَخَلُوا	فَمَا رِيحَتْ يَحْتَرُّهُمْ

Namun dikecualikan daripada menjadi idgham mutamatsilain apabila terdapat saktah di antara dua huruf yang serupa itu dan oleh kerananya, ia tidak boleh diidghamkan. Contohnya: (٢٨) هَلَاكَ عَنِّي سُلْطَانِيَّةٌ (٢٩).

Kedua, Idgham Mutaqaribain

Ia adalah dua huruf yang berhampiran makhraj dan sifat atau yang hampir makhraj sahaja atau yang hampir sifatnya sahaja. Huruf-hurufnya adalah:

1. Huruf ث mati bertemu dengan huruf ذ berbaris.
2. Huruf ق mati bertemu dengan huruf ك berbaris.
3. Huruf ب mati bertemu dengan huruf م berbaris.

Bagi memudahkan ingatan, cuba ingat susunan berikut: (ث-ذ) (ق-ك) (ب-م). Contohnya:

Idgham Mutaqaribain	
ذ - ث	يَلْهَثُ ذَٰلِكَ
ك - ق	أَلَمْ تَخْلُقْهُ
م - ب	يَنْبِئُ أَرْكَبَ مَعَنَا

Ketiga, Idgham Mutajanisain

Ia adalah pertemuan dua huruf yang bersamaan makhrajnya tetapi berlainan sifat. Huruf-hurufnya adalah:

1. Huruf ت mati bertemu dengan huruf ط berbaris.
2. Huruf ط mati bertemu dengan huruf ت berbaris.
3. Huruf ت mati bertemu dengan huruf د berbaris.
4. Huruf د mati bertemu dengan huruf ت berbaris.
5. Huruf ل mati bertemu dengan huruf ر berbaris.
6. Huruf ذ mati bertemu dengan huruf ظ berbaris.

Bagi memudahkan ingatan, cuba hafal susunan berikut: ((ت-ط) (ت-ظ) (ت-د) (د-ت) (ل-ر) (ذ-ظ)). Contohnya:

Idgham Mutajanisain	
ط - ت	مَا فَرَطْتُمْ
ت - ط	وَدَّتْ طَائِفَةٌ
د - ت	وَلَقَدْ تَرَكْنَا

ت - د	أَنْقَلَتِ دَعْوَا
ر - ل	وَقُلْ رَبِّ
ظ - ذ	أَنْهَمُ إِذْ ظَلَمُوا

PELAJARAN KE-21: HUKUM MAD DAN MAD ASLI

Mad adalah memanjangkan suara pada huruf-huruf mad iaitu: alif, wau dan ya' dengan kadar 2 hingga 6 harakat. Mad terbahagi kepada dua: pertama, mad asli dan mad far'i. Mad far'i pula terbahagi kepada tiga belas, iaitu; mad wajib muttasil, mad ja'iz munfasil, mad 'arid lissukun, mad 'iwad, mad lazim mutsaqqal kalimi, mad lazim mukhaffaf kalimi, mad lazim mutsaqqal harfi, mad lazim mukhaffaf harfi, mad lin, mad badal, mad silah, mad tamkin, mad farq, mad tabri`ah dan mad ta'zim.

Mad asli yang juga disebut mad tabi'i adalah baris atas yang diikuti oleh alif mati, baris bawah diikuti oleh ya' mati dan baris hadapan diikuti oleh wau mati. Masing-masing alif, ya' dan wau tersebut tidak ada tanda sukun dan tidak pula bersabdu. Panjang mad asli adalah dua harakat atau satu alif.

ا	قَالَ
و	يَقُولُ
ي	قِيلَ

PELAJARAN KE-22: MAD WAJIB MUTTASIL MAD JA'IZ MUNFASIL

Mad wajib muttasil adalah mad asli bertemu dengan hamzah dalam satu perkataan. Panjangnya empat, lima atau enam harakat.

Mad ja'iz munfasil pula adalah mad asli bertemu dengan hamzah dalam dua perkataan. Panjangnya empat atau lima harakat jika bacaan huruf mad bersambung dengan huruf hamzah selepasnya, tetapi jika bacaan berhenti

pada huruf mad asli, maka huruf sebelumnya dibaca dua harakat, kerana ia tetap menjadi mad asli.

Mad Wajib Muttasil	Mad Ja'iz Munfasil
وَالْفَحْشَاءِ	أَمْ مَنْ خَلَقْنَا إِنَّا
يَا سُوءَ	وَأَنَابُوا إِلَى اللَّهِ
حَتَّى نَفِيءَ	يَبْنِيءَ آدَمَ

PELAJARAN KE-23: MAD 'ARID LISSUKUN MAD 'IWAD

Mad 'arid lissukun adalah mad yang berlaku kerana waqaf pada akhir perkataan dan sebelum sukun yang mendatang ('arid) pada perkataan tersebut, terdapat salah satu huruf mad. Panjangnya dua, empat atau enam harakat.

Mad 'iwad adalah mad yang berlaku kerana waqaf pada kalimat yang berbaris dua di atas, kecuali baris dua di atas huruf ta' marbutah, maka ia berubah bacaan menjadi bunyi ha'. Panjangnya dua harakat sahaja.

Mad 'Arid Lissukun	Mad 'Iwad
نَصْرِيْرٌ (٢٢) dibaca	حَكِيْمًا (١١) dibaca حَكِيْمًا (١١)
يُنْفِقُوْنَ (٢٣) dibaca	يُنْفِقُوْنَ (٢٣)
وَالنَّاسِ (٦) dibaca	وَالنَّكَايِسِ (٦)

PELAJARAN KE-24: MAD SILAH QASIRAH MAD SILAH TAWILAH

Mad silah adalah setiap huruf hu dan hi apabila didahului oleh huruf yang berbaris dan jika didahului oleh huruf mati maka tidak dibaca mad. Ia terbahagi kepada dua, iaitu: mad silah qasirah dan mad silah tawilah.

Mad silah qasirah adalah tidak terdapat huruf hamzah selepas hu atau hi dan bacaannya hendaklah dipanjangkan dua harakat. Dalam penulisan Rasm

'Uthmani, ia disimbolkan dengan (هـ - هـ).

Mad silah tawilah adalah terdapat huruf hamzah selepas hu atau hi dan bacaannya hendaklah dipanjang empat atau lima harakat. Dalam penulisan Rasm 'Uthmani, ia disimbolkan dengan (هـ - هـ).

Mad Silah Qasirah	Mad Silah Tawilah
رَبِّهِ	أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ
يَدِي	عَلَى طَهْرِهِ إِنَّ

PELAJARAN KE-25: MAD TAMKIN MAD BADAL

Mad tamkin adalah ya' baris bawah bersabdu bertemu dengan ya' mati. Panjangnya adalah dua harakat.

Mad badal pula adalah hamzah yang diikuti alif mati (aa), hamzah dikuti ya' mati (ii) dan hamzah diikuti wau mati (uu). Panjangnya adalah dua harakat.

Mad Lin	Mad Farq
ءَآلله	خَوِّفِ
ءَآلذَّكَرَيْنِ	فَرِيشِ

PELAJARAN KE-26: MAD LIN MAD FARQ

Mad lin ialah baris atas diikuti oleh wau mati atau ya' mati bertemu dengan huruf hidup yang dibaca waqaf setelahnya. Panjangnya dua, empat atau enam harakat.

Mad Farq yang juga disebut mad istifham adalah mad badal bertemu dengan huruf yang bersabdu setelahnya. Panjangnya enam harakat.



Mad Lin	Mad Farq
خَوْفٍ	عَالَمٌ
فُرَيْشٍ	عَالَمٌ

**PELAJARAN KE-27:
MAD LAZIM MUTSAQQAL HARFI
MAD LAZIM MUKHAFFAF HARFI**

Mad lazim mutsaqqal harfi adalah huruf yang dibaca panjang sekadar enam harakat dan jumlah hurufnya ada lapan, iaitu: م - ك - ل - س - ع - ص - ق - ن .

عَسَقٍ

Mad lazim mukhaffaf harfi pula adalah huruf yang dibaca panjang sekadar dua harakat dan jumlah hurufnya ada lima, iaitu: ر - ه - ط - ي - ح .

طِه

**PELAJARAN KE-28:
MAD LAZIM MUTSAQQAL KALIMI
MAD LAZIM MUKHAFFAF KALIMI**

Mad lazim mutsaqqal kalimi adalah mad asli bertemu sabdu dan panjangnya enam harakat manakala mad lazim mukhaffaf kalimi pula adalah mad badal bertemu dengan huruf mati dan panjangnya enam harakat.

Mad Lazim Mutsaqqal Kalimi	Mad Lazim Mukhaffaf Kalimi
وَلَا الضَّالِّينَ	أَلْقَنَ
أَحْمَدُ جُوِّي	
الْمَلَأَتْهُ	



**PELAJARAN KE-29:
MAD TA'ZIM
MAD TABRI'AH**

Mad ta'zim adalah mad yang terdapat pada perkataan ي ketika bersambung dengan perkataan إله dalam kalimat tauhid. Ia bertujuan mengagungkan kalimat tauhid ini. Meskipun ia termasuk mad ja'iz munfasil, namun di sini ia dibaca enam harakat. Ia juga disebut dengan mad mubalaghah.

Mad tabri'ah pula adalah perkataan ي yang bermaksud menafikan seluruh jenis sesuatu dan biasanya kalimat setelahnya tidak menggunakan alif lam. Menurut qira'at Hamzah, ia dibaca enam harakat sedangkan menurut Hafs pula, ia tetap kekal menjadi mad asli dan dibaca dua harakat.

Mad Ta'zim	Mad Tabri'ah
اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ	فَلَا نَاصِرَ لَهُمْ
لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاتَّقُونِ	مُسَلَّمَةٌ لَا شَيْءَ فِيهَا
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ	وَالسَّاعَةَ لَا رَيْبَ فِيهَا

اللَّهُ
الصَّادِقُ
العظيم



PANDUAN ASAS SOLAT LELAKI & PEREMPUAN

1. WUDUK

A. ADAB BERWUDUK

1. Wuduk ertinya membersihkan anggota wuduk untuk menghilangkan hadas kecil dengan menggunakan air. Wuduk merupakan syarat sahnya solat. Oleh itu, wuduk mesti dilaksanakan dengan baik dan betul.

2. Rukun wuduk ada enam perkara:

a. Niat sewaktu membasuh muka

Lafaz niat wuduk adalah:

نَوَيْتُ رَفَعَ الْحَدَثِ الْأَصْغَرِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Aku berniat mengangkat hadas kecil kerana Allah Ta’ala.”

b. Membasuh muka dimulakan dari tumbuhnya rambut kepala sampai di bawah dagu dan dari telinga kanan sampai ke telinga kiri.

c. Membasuh kedua belah tangan hingga ke siku.

d. Menyapu air pada sebahagian kepala.

e. Membasuh kedua belah kaki.

f. Tertib (berturut-turut). Dengan erti kata lain, mendahulukan yang dahulu dan mengemudiankan yang kemudian.

B. SYARAT-SYARAT WUDUK

Syarat-syarat wuduk ialah:

a. Orang Islam



- b. Mumayyiz (orang yang dapat membezakan baik dan buruk sesuatu pekerjaan).
- c. Tidak berhadad besar.
- d. Menggunakan air yang suci lagi menyucikan.
- e. Tidak ada sesuatu yang menghalang air sampai ke kulit pada anggota wuduk.

C. SUNAT-SUNAT WUDUK

Sunat-sunat wuduk ialah:

- a. Membaca Bismillah.
- b. Membasuh telapak tangan.
- c. Berkumur-kumur.
- d. Membersihkan lubang hidung.
- e. Mendahulukan anggota kanan dari yang kiri.
- f. Menyapu seluruh kepala.
- g. Mengusap kedua telinga luar dan dalam.
- h. Membasuh anggota wuduk sebanyak tiga kali.
- i. Sela-menyela antara jari tangan dan kaki.
- j. Membaca kalimah syahadah setelah selesai wuduk.

D. PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN WUDUK


- a. Sesuatu yang keluar dari qubul dan dubur.
- b. Hilang akal sebab mabuk, gila, pitam dan sebagainya.
- c. Terjadi persentuhan antara kulit tubuh lelaki dan perempuan yang bukan muhrimnya dan tanpa tutup pemisah.
- d. Menyentuh qubul dan dubur dengan telapak tangan yang tidak dipakai tutup pemisah baik kemaluan sendiri mahupun orang lain.
- e. Tidur yang tidak tetap tempat dan kedudukannya.
- f. Murtaad.

E. MENGANGKAT WUDUK/HADAS KECIL

1. Membersihkan Kedua Belah Telapak Tangan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha penyayang.”




2. Berkumur-kumur dan Membersihkan Hidung.




3. Membasuh muka.

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الْأَصْغَرِ لِلَّهِ تَعَالَى.



“Aku berniat mengangkat hadas kecil kerana Allah Ta’ala.”



4. Membasuh tangan kanan dan kiri.





5. Menyapu sebahagian kepala.



6. Membasuh kedua belah telinga.



7. Membasuh kaki kanan dan kiri.



8. Doa selepas wuduk.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ وَاجْعَلْنِي
مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ، سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ
أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ.

“Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa, tidak ada yang menyekutukanNya dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu hambaNya dan pesuruhNya. Ya Allah, jadikanlah aku orang yang bertaubat dan jadikanlah aku orang yang menjaga kebersihan, jadikanlah aku daripada hambaMu yang soleh, Maha Suci Engkau ya Allah dengan sifat kepujianMu. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Engkau. Aku memohon ampun dan taubat kepadaMu dan Allah rahmati serta sejahterakan junjungan kami Muhammad, keluarganya dan para sahabatnya.”

2. TAYAMUM

A. PENGERTIAN TAYAMUM

Tayamum ialah menyapu debu ke muka dan kedua tangan sampai ke siku menggunakan debu yang suci dengan beberapa syarat. Tayamum sebagai ganti bagi wuduk atau mandi.

B. SYARAT-SYARAT TAYAMUM.

- a. Sudah masuk waktu solat.
- b. Tidak mendapatkan air setelah berusaha.



- c. Dengan debu yang suci.
- d. Berhalangan menggunakan air disebabkan sakit.
- e. Suci daripada najis.

C. RUKUN TAYAMUM.

- a. Niat.

Lafaz niat tayamum adalah seperti berikut:

نَوَيْتُ التَّيْمُمَ لِاسْتِباحَةِ الصَّلَاةِ لِلَّهِ تَعَالَى.

“Saya berniat Tayamum untuk mengerjakan solat kerana Allah Ta’ala.”

- b. Menyapu muka dengan debu tanah.
- c. Menyapu kedua tangan sampai ke siku dengan debu tanah.
- d. Mengikut tertib rukun-rukun.

